



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 12/2018

- LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM



Ruj. Kami : UUM/PEN/P-7/6
Tarikh : 18 November 2018

Semua Dekan/Ketua Jabatan/Pengarah/Pengetua INASIS

Yang Berusaha Pof./Tuan/Puan

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 12 TAHUN 2018
- LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Ke-250 Bilangan 10/2018 pada 25 Oktober 2018 telah menetapkan agar semua kajian penyelidikan atau pernyataan yang dibuat oleh kakitangan Universiti ini hendaklah berasaskan kepada bidang kepakaran masing-masing dan bukannya berkaitan politik atau perkara lain yang di luar kepakarannya. Selain itu, komen atau pandangan yang diberikan untuk siaran media perlu mendapat kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu.

3. Peraturan 18, Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj 2000 [Akta 605]) menyatakan bahawa;

"18 (1) Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain:

- (a) Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan tentang apa-apa isu;
- (b) Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama badan berkanun atau Kerajaan;
- (c) Membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan;
- (d) Mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

18 (2) Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain:

- (a) Membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan;
- (b) Memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi badan berkanun;
- (c) Memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan badan berkanun atau Kerajaan; atau
- (d) Menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

melainkan jika kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus, telah diperoleh terlebih dahulu daripada Menteri.

18 (3) Subperaturan (2) tidaklah terpakai bagi apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan yang dibuat, diberikan atau disebarkan jika kandungan ulasan, maklumat atau penjelasan itu telah diluluskan oleh Menteri.

18 (4) Bagi maksud peraturan ini, "pernyataan awam" termasuklah apa-apa pernyataan atau ulasan yang dibuat kepada pihak akhbar atau orang ramai atau semasa memberikan apa-apa syarahan atau ucapan awam atau dalam apa-apa penyiaran atau penerbitan tanpa mengambil kira caranya."

4. Sehubungan itu, perhatian dan kerjasama dari semua pihak dalam perkara ini amatlah dihargai.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menjalankan amanah



(BAHARUDIN BIN YAACOB)

Pendaftar

Universiti Utara Malaysia

b.p. Naib Canselor

No.Tel : 04-9283101 No.Fax : 04-9383104

E-mail : baha646@uum.edu.my

s.k : Yang Berbahagia Naib Canselor
: Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)